

23/04/1997

Ada pihak cuba lemahkan pelajar Islam

TASEK GELUGOR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan perbuatan golongan fanatik agama mengganggu pengajian pelajar Islam di universiti tempatan dalam usaha menghalang pencapaian mereka.

Menurut Perdana Menteri, golongan itu membangkitkan pelajar Islam di universiti setiap jam 3 pagi untuk kuliah Subuh dan Qiamulail walaupun itu tidak wajib.

"Mereka ganggu pelajar kita sehingga tak boleh belajar, dengan itu pencapaian pelajar Islam tidak cemerlang seperti dikehendaki dan terpaksa mengabaikan tanggungjawab mereka untuk pertahankan agama melalui pelajaran dan pengetahuan.

"Golongan itu juga menyifatkan ilmu sains, teknologi dan matematik sebagai ilmu sekular serta menyebarkan pandangan hanya pelajaran agama sahaja diperlukan," katanya kepada pemberita selepas lawatan kerja sehari ke Pulau Pinang, di sini, hari ini.

Sebelum itu, ketika berucap di Jamuan Teh `Pemimpin Bersama Rakyat' Pinang di Sekolah Menengah Agama Al-Irsyad, Dr Mahathir berkata golongan yang menghalang orang Islam daripada menguasai sains dan matematik dengan mendakwa bidang itu sekular, adalah pengkhianat agama.

Menurutnya, mereka yang berkata ilmu itu sekular adalah pengkhianat agama Islam.

"Pada asasnya, sains dan matematik diteroka oleh orang Islam sendiri dan pihak yang menuduh ia sebagai sekular adalah pengkhianat agama yang hendak melihat umat Islam lemah dan bodoh dan sering diperalatkan oleh orang lain," katanya.

(END)